

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**Peperiksaan Semester Pertama**

**Sidang Akademik 1996/97**

**Oktober/November 1996**

**HSC 323 Sejarah Asia Timur**

**Masa: [3 jam]**

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI  
DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab **EMPAT** [4] soalan. Sekurang-kurangnya **SATU** [1] soalan mestilah dijawab daripada setiap bahagian A, B dan C.

**Bahagian A**

1. Buat suatu cerakinan bandingan di antara feudalisme China dengan feudalisme Jepun.
2. Bincangkan persamaan dan perbezaan di antara pensejarahan tradisional China dengan pensejarahan tradisional Jepun.

**Bahagian B**

3. “Di sebalik kacau bilau dan kemusnahan fizikal yang berlaku, zaman perpecahan politik sebelum Ch’in, selepas Han dan selepas T’ang telah membuahkan perkembangan-perkembangan yang bermanfaat kepada China dan kecinaan dalam jangka panjang.” Bincangkan.
4. “Tanpa Aliran Kanun\* (Fa) China pastinya tidak akan disatukan. Ini terbukti bukan sahaja pada penghujung zaman Chou tetapi juga pada zaman-zaman kemudian.” Nilaikan pendapat ini.

5. “Sistem peperiksaan awam yang diamalkan di China tradisional bukan sahaja merupakan satu-satunya jalan gerak-tingkat sosial bagi rakyatnya tetapi juga telah menyelamatkan China dan kecinaan daripada dikuasai orang dan pengaruh luar.” Sejauhmanakah anda bersetuju dengan pernyataan ini?
6. “Sebagai wangsa yang muncul pada akhir zaman China tradisional Ming beruntung kerana mewarisi asas-asas yang telah dimantapkan oleh wangsa-wangsa sebelumnya. Sungguhpun demikian, Ming musnah juga pada 1644.”  
Ulaskan.

### **Bahagian C**

7. “Sejarah dan budaya Jepun amat kuat dipengaruhi sejarah dan budaya China. Namun demikian, Jepun tidak pernah dikuasai China sama ada daripada segi politik mahupun budaya.” Dengan menghadkan kepada sejarah Jepun sehingga abad ke-16 bincangkan pernyataan di atas.
8. “Walaupun dasar tertutup yang diamalkan dalam zaman Tokugawa membantutkan perkembangan ilmu di Jepun ia telah mengasaskan satu tapak yang teguh ke arah perubahan-perubahan yang bermakna pada zaman selepasnya.”  
Ulaskan.